

02/10/1997

Perdana Menteri tiba di Uruguay

Mustapha Omar in Montevideo

MONTEVIDEO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Carrasco, disambut oleh Pemangku Menteri Luar Uruguay, Carlos Perez del Castillo.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Presiden Dr Julio Maria Sanguinetti di kediaman rasminya, Edificio Libertad, selepas memeriksa perbarisan hormat dan diperkenalkan kepada menteri-menteri Kabinet dan pegawai kanan Uruguay.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri dan Presiden Sanguinetti menghadiri mesyuarat dua hala, sebelum mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden, Dr Hugo Batalla dan Presiden Dewan Perwakilan Uruguay, Carlos Baraibar.

Pada masa yang sama, wakil sektor swasta Malaysia diberi taklimat oleh Menteri Ekonomi Uruguay, Luis Mosca, diikuti mesyuarat mengikut sektor masing-masing.

Dr Mahathir dan rombongan kemudian menghadiri jamuan makan malam rasmi atas jemputan Presiden Sanguinetti.

Uruguay adalah salah sebuah negara Amerika Latin yang sedang pesat membangun.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, import Uruguay dari Malaysia bernilai RM60.86 juta, membabitkan peralatan jentera dan pengangkutan, barangan mentah serta pembuatan.

Malaysia pula mengimport barangan makanan dan mentah bernilai RM21.26 juta dari negara itu dalam tempoh yang sama.

Setakat ini, Malaysia sudah menandatangani beberapa perjanjian dua hala dengan Uruguay, termasuk Perjanjian Jaminan Pelaburan dan Perjanjian Perdagangan Dua Hala pada 1995.

(END)